**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG**

## MANUAL PENGGUNA

PENGGUNA BIASA ( Orang Awam )

# SISTEM MAKLUMAT EKO RIMBA NEGERI PAHANG (e-Eko Rimba)

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

# ISI KANDUNGAN

**BIL. TAJUK** **MUKA SURAT**


1. PENGENALAN........................................................................................1

2. CARTA ALIR PROSES SISTEM.............................................................1

3. MEMULAKAN SISTEM.......................................................................... 2

4. MAKLUMAT DAN PANDUAN.................................................................3

5. DIREKTORI EKO RIMBA.........................................................................4

6. PERMOHONAN........................................................................................4

7. SEMAKAN.............................................................................................. 10

# 1 PENGENALAN

1.1 Manual Pengguna Sistem Maklumat Eko Rimba Negeri Pahang (e-Eko Rimba) ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada pengguna iaitu Orang Awam sebagai pengguna biasa untuk menggunakan sistem ini dengan betul.

1.2 Tiada pendaftaran pengguna perlu dibuat bagi menggunakan sistem ini. Pengguna hanya perlu memasukkan maklumat pemohon dan permohonan sahaja. Semua permohonan yang dimasukkan akan diemelkan secara automatik kepada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

# 2 CARTA ALIR PROSES SISTEM



# 3 MEMULAKAN SISTEM

3.1 Buka pelayar web di komputer seperti Google Chrome atau Mozilla Firefox. Sistem ini boleh dicapai dengan menaip alamat url http://forestry.pahang.gov.my/ekorimba atau dengan melayari laman web rasmi Jabatan Perhutanan Negeri Pahang di alamat url http://forestry.pahang.gov.my dan klik pada seksyen Perkhidmatan Atas Talian.

3.2 Skrin **Laman Utama** seperti di bawah akan dipaparkan.




3.3 Terdapat empat (4) menu utama bagi pengguna orang awam bagi menggunakan sistem ini iaitu:

3.3.1 **Maklumat Dan Panduan** – panduan berkaitan e-Eko Rimba, syarat-syarat penggunaannya dan maklumat lain berkaitan pengurusan Eko Rimba di negeri Pahang.

3.3.2 **Direktori Eko Rimba** – menyenaraikan kesemua 29 Eko Rimba dan hutan taman negeri di negeri Pahang yang mengandungi maklumat lengkap berkaitan Eko Rimba termasuk galeri gambar. Maklumat ini penting sebagai rujukan kepada pengunjung.

3.3.3 **Permohonan** – menyediakan borang permohonan secara online bagi orang awam untuk membuat permohonan menjalankan aktiviti di Eko Rimba, membuat tempahan kemudahan di Eko Rimba dan permohonan mendaki gunung.

3.3.4 **Semakan** – orang awam boleh membuat semakan status permohonan di menu ini.

# 4 MAKLUMAT DAN PANDUAN

4.1 Klik menu **Maklumat Dan Panduan** di laman utama. Skrin seperti di bawah akan dipaparkan.

**SYARAT DAN PERATURAN MENGGUNAKAN SISTEM e-EKO RIMBA**

1. Pengguna boleh mendapatkan maklumat berguna berkaitan semua Taman Eko Rimba dan satu Hutan Taman Negeri di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dalam sistem ini.

2. Terdapat tiga (3) Taman Eko Rimba yang diuruskan oleh syarikat pemajak dan sebarang permohonan dan tempahan yang ingin dibuat di Taman Eko Rimba tersebut adalah tidak melalui jabatan ini. Ia adalah tertakluk di bawah seliaan pemajak tersebut. Tiga Taman Eko Rimba tersebut ialah:
   a) Taman Eko Rimba Sungai Pandan, Kuantan.
   b) Taman Eko Rimba Lata Lembik, Raub.
   c) Taman Eko Rimba Kem Nusa, Jerantut.

3. Sistem ini menyediakan borang permohonan secara online bagi:
   a) Permohonan mengadakan aktiviti diTaman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri.
   b) Tempahan kemudahan di Taman Eko Rimba.
   c) Permohonan mendaki gunung.

4. Setiap permohonan akan diproses untuk mendapatkan kelulusan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang.

5. Makluman keputusan permohonan akan diemelkan kepada pemohon. Pemohon juga boleh membuat semakan permohonan dalam sistem ini menggunakan Nombor Kad Pengenalan pemohon sebagai rujukan.

6. Semua permohonan mestilah dibuat tidak kurang dari tujuh (7) hari dari tarikh aktiviti akan dijalankan.

7. Sistem ini tidak menyediakan perkhidmatan bayaran secara online. Semua bayaran hendaklah dibuat di PHD berkaitan atau di lokasi Taman Eko Rimba yang dikunjungi.

8. PENTING :
   Bayaran permit memasuki Hutan Simpanan Kekal bagi tujuan mendaki gunung adalah sebanyak RM10.00 seorang.
   Bayaran Fi Masuk, Fi Menggunakan Kemudahan dan Fi Menjalankan Aktiviti yang dikenakan ke atas pengunjung di beberapa Taman Eko Rimba terpilih seperti di bawah boleh disemak di **DI SINI**.
   1) Taman Eko Rimba Gunung Senyum, Temerloh seliaan Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera.
   2) Taman Negeri Endau-Rompin, Rompin seliaan Pejabat Hutan Daerah Rompin.
   3) Taman Eko Rimba Lata Meraung, Jerantut seliaan Pejabat Hutan Daerah Jerantut.
   4) Taman Eko Rimba Terenggun, Lipis seliaan Pejabat Hutan Daerah Lipis.
   5) Taman Eko Rimba Lentang, Bentong seliaan Pejabat Hutan Daerah Bentong.
   6) Taman Eko Rimba Chamang, Bentong seliaan Pejabat Hutan Daerah Bentong.
   7) Taman Eko Rimba Sungai Pauh, Cameron Highlands seliaan Pejabat Hutan Daerah Raub/Cameron Highlands.

4.2 Skrin ini memaparkan panduan berkaitan e-Eko Rimba, syarat-syarat penggunaannya dan maklumat lain berkaitan pengurusan Eko Rimba di negeri Pahang.

4.3 Klik butang **Cetak** untuk mencetak maklumat ini.

4.4 Klik butang **Kembali** untuk ke laman utama.

# 5 DIREKTORI EKO RIMBA

5.1 Klik menu **Direktori Eko Rimba** di laman utama. Skrin seperti di bawah akan dipaparkan.

**SENARAI HUTAN LIPUR DAN HUTAN TAMAN NEGERI DI NEGERI PAHANG**

| Bil. | Daerah | Nama Hutan Lipur |
|---|---|---|
| 1. | BENTONG | Taman Eko Rimba Chamang<br>Taman Eko Rimba Lentang |
| 2. | CAMERON HIGHLANDS | Taman Eko Rimba Parit Fall<br>Taman Eko Rimba Sungai Pauh |
| 3. | JERANTUT | Taman Eko Rimba Lata Meraung<br>Taman Eko Rimba Som<br>Taman Eko Rimba Ulu Tembeling |
| 4. | KUANTAN | Taman Eko Rimba Beserah<br>Taman Eko Rimba Bukit Pelindung<br>Taman Eko Rimba Sungai Pandan |
| 5. | LIPIS | Taman Eko Rimba Kenong<br>Taman Eko Rimba Terenggun<br>Taman Eko Rimba Ulu Jerangsang |
| 6. | RAUB | Taman Eko Rimba Jeriau<br>Taman Eko Rimba Lata Berembun<br>Taman Eko Rimba Lata Jarum<br>Taman Eko Rimba Lata Lembik |
| 7. | TEMERLOH | Taman Eko Rimba Gunung Senyum |
| 8. | ROMPIN | Taman Eko Rimba Menchali |
| 9. | MARAN | Taman Eko Rimba Berkelah<br>Taman Eko Rimba Jerangkang<br>Taman Eko Rimba Lubuk Yu<br>Taman Eko Rimba Teladas |
| 10. | BERA | Taman Eko Rimba Bukit Bertangga |

5.2 Skrin ini menyenaraikan semua Eko Rimba dan hutan taman negeri di negeri Pahang mengikut daerah.

5.3 Klik ikon **Cetak** untuk mencetak maklumat ini.

# 6 PERMOHONAN

6.1 Menu Permohonan berfungsi untuk menyediakan borang permohonan secara online kepada pengguna.

6.2 Klik menu **Permohonan** di laman utama. Skrin seperti di bawah akan dipaparkan.




6.3 Masukkan No. KP/Pasport pemohon dan klik butang **Seterusnya**.

6.4 Jika pemohon kali pertama, skrin seperti Rajah 6.3 akan dipaparkan.




Rajah 6.3

6.5 Jika pemohon telah wujud, skrin Rajah 6.4 akan dipaparkan.


**PENDAFTARAN MAKLUMAT PEMOHON**

| | |
|---|---|
| No Kad Pengenalan / Pasport | 810811065428 * Seterusnya<br>*Contoh : 821212065555* |

| | |
|---|---|
| **Jenis Pengenalan** | MyKad Pasport * |
| **Nama** | SITI AISYAH BINTI ABU BAKAR * |
| **Nama Organisasi** | KELAB PENCINTA ALAM NEGERI PAHANG |
| **Alamat** | PTK 6(1) KG KURNIA BATU 3 JALAN GAMBANG |
| | |
| | |
| **Poskod** | 25150 Bandar KUANTAN |
| **Negeri** | Pahang |
| **Daerah** | KUANTAN |
| **Emel** | emy9052@gmail.com * |
| **No. Tel. Pejabat** | 09-5132915 *Contoh : 09-5730000* |
| **No. Tel. Bimbit** | 017-9319251 *Contoh : 019-5730000* |
| **No. Faks** | *Contoh : 09-5730000* |

nTVYtY

**Masukkan kod seperti gambar di atas*:**

Rajah 6.4

6.6 Lengkapkan semua maklumat pemohon. Ruangan bertanda * adalah wajib diisi. Pastikan kod captcha dimasukkan dengan betul bagi tujuan tapisan spam. Klik butang **Imej Captcha Lain** bagi mendapatkan kod captcha yang lain sekiranya kod sebelumnya mengelirukan.

6.7 Selesai mengisi semua maklumat, klik butang **Simpan dan Teruskan Permohonan**. Skrin permohonan seperti di bawah akan dipaparkan.




6.8 Pilih jenis permohonan. Skrin borang permohonan akan dipaparkan mengikut pilihan jenis permohonan.Jika permohonan Menjalankan Aktiviti di Eko Rimba, skrin Rajah 6.8 akan dipaparkan.




<u>Rajah 6.8</u>

6.9 Jika permohonan Mendaki Gunung, skrin Rajah 6.9 akan dipaparkan.




Rajah 6.9

6.10 Jika permohonan Tempahan Kemudahan, skrin Rajah 6.10 akan dipaparkan.




Rajah 6.10

6.11 Isi semua maklumat permohonan dengan lengkap dan klik butang **Simpan**.

6.12 Sistem akan memaparkan Ringkasan Maklumat Permohonan seperti skrin seperti di bawah.

**RINGKASAN MAKLUMAT PERMOHONAN**

Maklumat permohonan anda telah dihantar ke pegawai Unit Hutan Lipur, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang untuk tindakan selanjutnya. Maklumat permohonan anda adalah seperti di bawah:

| MAKLUMAT PEMOHON | |
|---|---|
| No Kad Pengenalan / Pasport | 760708065005 |
| Nama | MOHAMAD KAMIRUN BIN ABDUL SAMAD |
| Nama & Alamat Organisasi | KAZADA CLUB<br>NO 53 KAMPUNG TERSANG<br>BATU MALIM<br>27610 RAUB |
| Emel | mohdkamirun@ymail.com |
| No. Tel Pejabat / Bimbit | 09-2962755 / 019-9679321 |
| No. Faks | |

| MAKLUMAT AKTIVITI | |
|---|---|
| Hutan Lipur | Hutan Lipur Lata Lembik |
| Tarikh Aktiviti | 01/10/2015 hingga 04/10/2015 |
| Jumlah Peserta | 10 |
| Nama Aktiviti | Berkhemah dan Jungle Tracking |
| Tujuan | Riadah |
| Nama Pengiring | Yunus bin Osman |
| MyKad Pengiring | 781121115185 |
| No. Telefon Pengiring | 012-6599222 |

Keputusan permohonan anda boleh disemak selepas tujuh (7) hari berkerja dari tarikh permohonan.

Terima kasih.

6.13 Klik butang **Cetak** untuk mencetak maklumat ini.

6.14 Klik butang **Kembali** untuk ke laman utama.

# 7 SEMAKAN

7.1 Menu Semakan berfungsi untuk menyemak status permohonan oleh pengguna.

7.2 Klik menu **Semakan** di laman utama. Skrin seperti di bawah akan dipaparkan.


SEMAKAN PERMOHONAN

| No Kad Pengenalan / Pasport | Cari |
|---|---|

Nama Pemohon :
No. KP / Pasport :

| BIL | TARIKH MOHON | JENIS PERMOHONAN | HUTAN LIPUR / GUNUNG | TARIKH MULA | TARIKH AKHIR | STATUS | TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|

7.3 Masukkan No. KP/Pasport pemohon dan klik butang Cari.

7.4 Senarai permohonan berserta maklumat lain akan dipaparkan. Pemohon boleh menyemak status permohonan di skrin ini.


SEMAKAN PERMOHONAN

| No Kad Pengenalan / Pasport | Cari |
|---|---|

Nama Pemohon : MOHAMAD KAMIRUN BIN ABDUL SAMAD
No. KP / Pasport : 760708065005

| BIL | TARIKH MOHON | JENIS PERMOHONAN | HUTAN LIPUR / GUNUNG | TARIKH MULA | TARIKH AKHIR | STATUS | TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 28/10/2015 | Menjalankan Aktiviti di Hutan Lipur | Hutan Lipur Lata Lembik | 01/10/2015 | 04/10/2015 | Berjaya | |
| 2 | 28/10/2015 | Tempahan Kemudahan | Hutan Lipur Lata Lembik | 01/10/2015 | 04/10/2015 | Berjaya | |

7.5 Klik butang **Cetak** untuk mencetak maklumat ini.

7.6 Klik butang **Kembali** untuk ke laman utama.